

Daging babi dan ayam tua kekal di bawah skim harga maksimum Gawai

2020-05-27T16:21:53+08:00



**Utusan
Borneo
Online**

Nanta (dua kanan) menunjukkan dan menjelaskan mengenai tanda harga berwarna merah jambu kepada Manyin (kanan) semasa mengadakan lawatan di gerai ayam dan turut kelihatan John (kiri) dan Sagah (tiga kanan). - Gambar oleh Chimon Upon

SERIAN: Komuniti Dayak diberi jaminan daging babi (khinzir) dan ayam tua terus menjadi barang harga terkawal di bawah Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) bagi Gawai Dayak yang bermula esok.

Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna Datuk Alexander Nanta Linggi berkata, kerajaan menyedari dua barang terbabit adalah amat diperlukan semasa Gawai walaupun dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB).

Dengan itu, katanya daging babi dan ayam tua dimasukkan sebagai barang khusus dalam SHMMP untuk Gawai hanya untuk mengelakkan peniaga mengaut keuntungan.

"Kami tidak mengawal harga daging babi semasa perayaan lain namun untuk Gawai Dayak, kami tahu bahawa barang ini akan lebih banyak permintaan, jadi kami meletakkan daging babi di bawah skim kawalan harga.

"Begini juga dengan ayam tua. Mengapa hanya di Sarawak kita meletakkan kawalan harga bagi ayam tua dan biasanya orang tidak akan membelinya.

"Sebenarnya ia sangat digemari semasa Gawai kerana orang Dayak kerana mereka selalu menggunakan ia sebagai masakan ayam pansuh yang merupakan makanan istimewa Gawai dan di pasar luar bandar ia amat tinggi permintaan," katanya pada sidang media selepas mengadakan lawatan di Pasar Serian, hari ini.

SHMMP bagi Gawai bermula esok (28 Mei) hingga 3 June 2020.

Bagi perayaan Gawai antara barang harga adalah terkawal adalah ayam hidup, ayam standard (disembelih dan dibersihkan berserta kaki, kepala, hati dan hempedal atau mana-mana bahagiannya), ayam super (disembelih dan dibersihkan tanpa kaki, kepala, hati dan hempedal), ayam tua hidup, kepak ayam, telur ayam gred A (berat antara 65.0 gram hingga 69.9 gram sebiji), telur ayam gred B (berat antara 60.0 gram hingga 64.9 gram sebiji), telur ayam gred C (berat antara 55.0 gram hingga 59.9 gram sebiji), daging babi (perut), daging babi (daging dan lemak) dan babi hidup (pengeluar).

Sementara itu, 11 lagi barang tambahan telah dimasukkan dalam SHMMP baru-baru ini, tomato, kubis bulat import (Indonesia dan China, tidak termasuk Beijing), cili merah, lada benggala hijau, bawang besar (China), bawang besar (Holland), ubi kentang import (China), cili kering, kacang tanah, ikan kembung termasuk ikan mabung (berat antara 7 ekor hingga 10 ekor setiap kilogram) dan ikan selayang (berat antara 7 ekor hingga 10 ekor setiap kilogram).

Tindakan tegas akan diambil terhadap peniaga yang gagal mematuhi peraturan-peraturan Skim ini di bawah Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011.

Kesalahan menjual barang harga terkawal melebihi harga maksimum untuk individu boleh didenda oleh mahkamah sehingga RM100,000 atau dipenjarakan tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya atau dikompaun sehingga RM50,000 manakala syarikat boleh didenda sehingga RM500,000 atau dikompaun sehingga RM250,000.

Bagi kesalahan gagal meletakkan tanda harga berwarna merah jambu bagi barang harga terkawal untuk individu boleh didenda oleh mahkamah sehingga RM10,000 atau dikompaun sehingga RM5,000 dan syarikat boleh didenda sehingga RM20,000 atau dikompaun sehingga RM10,000.

Menurut statistik yang diedarkan kementerian kepada media hari ini, terdapat 16 kes kesalahan direkodkan seluruh negeri di bawah Akta semasa SHMMP bagi Hari Raya Aidilfitri di Sarawak.

Sejumlah RM25,500 kompaun dikeluarkan untuk kesalahan tersebut yang merangkumi empat kes peniaga menjual melebihi harga siling dan 12 kes kerana tidak menunjukkan tanda harga.

Sementara itu, dalam perkembangan lain, Nanta memberi jaminan bahawa bekalan makanan akan mencukupi untuk negara ini walaupun terdapat kebimbangan mengenai bekalan yang disebabkan oleh kemungkinan gelombang kedua kes COVID-19.

Mengambil contoh bekalan beras, beliau mengatakan Malaysia akan mengimport beras dari Myanmar dan Thailand kerana Vietnam dilaporkan berhenti mengeksport beras semasa wabak ini.

"Jangan bimbang. Saya ingin mengambil kesempatan ini untuk memberi jaminan kepada rakyat. Kami telah mengawasi situasi dengan teliti untuk memastikan bekalan makanan mencukupi sekiranya wabak itu terus berlanjutan.

"KPDNHEP, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) dan Kementerian Pertanian dan Industri Makanan bekerjasama sebagai kluster keselamatan makanan untuk negara," katanya.

Hadir sama lawatan bersama beliau hari ini, Menteri Pendidikan, Sains dan Penyelidikan Teknologi Dato Sri Micheal Manyin Jawong; Menteri Muda Pemodenan Pertanian, Tanah Adat dan Pembangunan Wilayah Datuk Roland Sagah Wee Inn; Menteri Muda Pengangkutan Datuk Dr Jerip Susil; Menteri Belia dan Sukan Datuk Snowden Lawan dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Kedup Martin Ben dan ADUN Bukit Semuja John Ilus.

<https://www.utusanborneo.com.my/2020/05/27/daging-babi-dan-ayam-tua-kekal-di-bawah-skim-harga-maksimum-gawai>



KPDNHEP rampas barang bernilai RM122,359

2020-05-27T17:57:39+08:00

oleh Hamzah Sanudin



PERIKSA : Aslani menjalankan pemeriksaan ke atas barang keperluan kering di pasar Sri Tanjung.

TAWAU: Sebanyak RM122,359 nilai rampasan yang dilakukan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna(KPDNHEP) dalam beberapa operasi yang dijalankan di sekitar daerah ini sejak Januari lalu.

Sepanjang Operasi itu, KPDNHEP berjaya mengeluarkan 35 notis melibatkan nilai kompaun sebanyak RM23,000 ke atas peniaga yang gagal mematuhi undang-undang yang dikuat kuasakan.

Ketua Pegawai Penguatkuasa KPDNHEP Tawau, Aslani Dabi berkata sejak Januari lalu sehingga hari ini, pihaknya sudah menjalankan sebanyak 4202 pemeriksaan ke atas semua premis perniagaan di daerah Tawau.

"Sebanyak 3411 pemeriksaan dilakukan di sekitar bandar dan 791 di luar bandar, manakala 2384 merupakan pemeriksaan khas di bawah Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).

"Daripada jumlah itu, kesalahan di bawah Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan 2011 sebanyak 17 kes, Akta Kawalan Bekalan 1961 sebanyak 5 kes, Akta Perihal Dagangan 2011 sebanyak 1 kes, Akta Timbang dan Sukat 1972 sebanyak 10 kes dan Akta Pelindungan Pengguna 1999 sebanyak 2 kes," katanya dalam kenyataan media di sini.

Beliau berkata, pasukan kami juga sudah menjalankan pemeriksaan Skim Harga Maksimum Musim Perayaan (SHMMP) sempena menyambut Hari Raya Aidilfitri dan Pesta Kaamatan yang dilakukan bermula 20 Mei hingga 3 Jun depan.

"Operasi SHMMP itu telah mengeluarkan 11 notis kompaun terhadap 211 pemeriksaan dilakukan dan jumlah itu menurun berbanding operasi yang sama tahun sebelumnya.

"Kami melihat peniaga di daerah ini semakin bijak dan patuh terhadap arahan di bawah SHMMP yang dikeluarkan oleh pihak KPDNHEP," katanya.

Menurutnya, KPDNHEP Tawau dengan keanggotaan penguatkuasa seramai 23 orang terus giat menjalankan pemeriksaan di semua premis perniagaan di daerah ini sepanjang PKP dan SHMMP.

"Kami bukan sahaja mengesan peniaga melakukan pencatutan dengan menaikkan harga dengan menjual harga barang yang tidak munasabah, tetapi memastikan bekalan barang keperluan di musim perayaan serta sepanjang PKP ini sentiasa mencukupi dan mudah diperolehi oleh pengguna," katanya.

<https://www.utusanborneo.com.my/2020/05/27/kpdnhep-rampas-barangan-bernilai-rm122359>